

Headline	Nilai aset hartanah MARA dipertingkatkan		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	25 Nov 2013	Language	Malay
Circulation	197,952	Readership	833,287
Section	Dlm Negeri	Page No	8
ArticleSize	315 cm ²	Journalist	N/A
PR Value	RM 18,849		



Nilai aset hartanah MARA dipertingkatkan

MARA Inc. sedang berusaha meningkatkan nilai aset hartanah MARA bagi menjana pulangan yang lebih kompetitif dengan tumpuan menjadi sebuah syarikat pelaburan aktif selaras dengan objektif utama organisasi itu.

Pengerusi MARA Inc., Datuk Mohammad Lan Allani berkata, pihaknya turut mengintai peluang untuk membeli beberapa kawasan strategik di Lembah Klang dan kawasan tumpuan utama seperti Kota Kinabalu dan Melaka untuk dibangunkan.

Kata beliau, turut diberi tumpuan adalah peluang-peluang pembangunan hartanah baharu di kawasan-kawasan strategik yang lain seperti di Iskandar Malaysia, Johor dan sekitar Pulau Pinang berdasarkan peningkatan transaksi pelaburan hartanah di kedua-dua negeri tersebut.

“Walaupun MARA Inc. lebih menitikberatkan pembangunan di atas tanah-tanah milik MARA, namun itu tidak bermakna tanah-tanah milik individu dan persendirian tidak diambil kira.

“Sekiranya ada cadangan-cadangan pembangunan hartanah yang berdaya maju di kawasan strategik dan menawarkan struktur pembayaran atau usahasama yang inovatif, maka MARA Inc. tidak keberatan untuk mengintai dan mengkaji peluang-peluang sedemikian,” kata beliau baru-baru ini.

Mohammad Lan berkata, dalam melaksanakan pembangunan projek hartanah di Kuala Lumpur ini, MARA Inc. bekerjasama dengan para pemaju tempatan yang berdaya maju dan mampu mengetengahkan produk-produk hartanah bermutu dan kompetitif.

Menurut Mohd. Lan, strategi pembangunan hartanah MARA Inc. adalah berorientasikan pasaran semasa serta fokus kepada pembangunan berskala medium dengan tempoh pembangunan yang singkat (quick turn-around project).

“Kebanyakan projek-projek tersebut meli-

batkan pembangunan hartanah yang berkonsepkan kediaman sejajar dengan aliran pasaran masa kini. Terdapat juga pembangunan hartanah komersial di mana proses pembinaan hanya akan bermula setelah pihak MARA Inc. menandatangani perjanjian pajakan jangka panjang dengan penyewa utama.

“Pendekatan berjaga-jaga ini bertujuan untuk memastikan MARA Inc. tidak melaksanakan projek-projek bersifat spekulatif yang akhirnya gagal memberi pulangan setelah sesuatu bangunan siap dibina,” kata beliau.

“Bagi meningkatkan nilai aset hartanah MARA juga dan dan bersesuaian dengan aspirasi kerajaan untuk mempromosi Green Technology dalam pembangunan ekonomi negara, MARA Inc. turut serta dalam menyahut seruan itu melalui penglibatannya dalam sektor tenaga berikutan penceburan syarikat Bumiputera terlalu sedikit dalam bidang ini.

“Penglibatan MARA Inc. didalam sektor tenaga ketika ini adalah penjanaan pendapatan melalui tenaga boleh baharu (Renewable Energy) Solar PV iaitu projek Feed-in-Tariff (FiT) yang melibatkan dua agensi iaitu Sustainable Energy Development Authority (SEDA) dan Tenaga Nasional Berhad (TNB),” kata beliau.

Penglibatan FiT projek Solar PV oleh MARA Inc. ini terbahagi kepada dua (2) kategori iaitu berskala kecil (kurang daripada 180KW) yang melibatkan tujuh belas (17) institut pendidikan MARA (IPMa). Manakala projek solar berskala besar (lebih daripada 1MW) pula melibatkan empat (4) tanah-tanah kosong MARA yang telah dikenalpasti.

FiT projek ini perlu melalui proses pembidaan secara dalam talian di mana melalui proses bidaan sebelum ini, satu (1) IPMa iaitu IKM Besut telah berjaya mendapat kuota FiT sebanyak 177.8 KW yang akan menjana tenaga melalui solar dan akan beroperasi sepenuhnya pada Disember 2013 ini.

Walaupun MARA Inc. lebih menitikberatkan pembangunan di atas tanah-tanah milik MARA, namun itu tidak bermakna tanah-tanah milik individu dan persendirian tidak diambil kira.

DATUK MOHAMMAD LAN ALLANI
Pengerusi MARA Inc.

Headline	Nilai aset hartanah MARA dipertingkatkan		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	25 Nov 2013	Language	Malay
Circulation	197,952	Readership	833,287
Section	Dlm Negeri	Page No	8
ArticleSize	315 cm ²	Journalist	N/A
PR Value	RM 18,849		

